

4. Pada tahun 2009, Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Kebangsaan telah bercadang untuk menggubal suatu Akta baru yang lebih menyeluruh bagi menggantikan Akta Tisu Manusia 1974. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kadar pendermaan organ di samping mengawalselia pendermaan organ dari penderma hidup. Selain daripada itu ianya juga bertujuan mengawal aktiviti tidak beretika seperti pemerdagangan organ. Rang Undang-undang ini juga menyentuh mengenai larangan pengambilan organ daripada banduan yang telah dijatui hukuman mati.

5. Pandangan awal orang awam juga telah diambilkira melalui seranta awam atas talian peringkat pertama yang telah diadakan pada 29 Ogos 2012 hingga 12 September 2012.

6. Untuk peringkat kedua seranta awam atas talian, keseluruhan draf Rang Undang-undang ini akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas lanjut dari pihak berkepentingan dan orang awam.

7. Sehubungan itu suatu seranta awam atas talian peringkat kedua akan dipaparkan di dalam laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia bermula dari 12 September 2013.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam

Menteri Kesihatan Malaysia

4 September 2013